

INTEGRITI DALAM PEKERJAAN

Agama Islam menuntut umatnya supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki yang bersih lagi halal demi kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan Negara. Islam melarang keras umatnya yang tidak bertanggungjawab, malas bekerja, menipu atau menyeleweng di dalam pekerjaannya. Namun persoalan besar yang timbul, adakah kerja yang kita lakukan selama ini bertepatan dengan syariat Islam iaitu sentiasa melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna, menyelesaikan tugas dengan sebaik mungkin dan dalam masa yang sama menjauhkan diri daripada sebarang bentuk penipuan, pemalsuan, manipulasi, penyelewengan dan seumpamanya.

Sebagai seorang pekerja, jika kita benar-benar menghayati prinsip integriti, kita akan sentiasa beramanah, jujur, telus dengan penuh rasa tanggungjawab di samping menyerlahkan sifat-sifat mahmudah yang lain seperti rajin, tekun, berdisiplin dan mengutamakan kualiti dan kesempurnaan dalam setiap tugas. Sebaliknya, kita adalah seorang pekerja yang tidak berintegriti bahkan tidak beramanah dan memungkir janji sekiranya kita tidak jujur, tidak amanah dan tidak telus dalam pekerjaan. Lebih parah lagi jika kita terlibat pula dalam bentuk penyelewengan, penipuan, manipulasi, rasuah, salahguna kuasa dan seumpamanya.

Sekiranya kita terlibat dalam penyelewengan dan penipuan dalam pekerjaan kita, maka rezeki yang kita perolehi adalah haram, makanan dan minuman adalah haram, pakaian yang dipakai juga haram kerana datang dari sumber yang haram. Sesungguhnya perbuatan ini akan mengundang kemurkaan Allah SWT. Mafhum daripada Sabda Rasulullah SAW :

Mafhumnya :

“ Setiap daging yang tumbuh dari makanan yang haram, maka nerakalah tempat yang selayaknya”.

(Riwayat at-Tirmizi)

Sebagai kesimpulannya, dengan berintegriti kehidupan kita akan sejahtera di dunia dan di akhirat. Bagi memastikan pekerjaan kita sentiasa memenuhi dan menepati tuntutan syara' maka perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian ;

Pertama : Niat yang ikhlas untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT di samping mengharapkan pekerjaan itu diterima sebagai ibadah dan amal soleh

Kedua : Berazam dengan semangat bekerja bersungguh-sungguh sehingga mampu menghasilkan kerja yang berkualiti dan memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.

Ketiga : Bijak dalam merancang dan melaksanakan sesuatu tindakan terutama mengelak berlakunya pembaziran wang dan harta benda awam.

Keempat : Menjauhkan diri daripada sifat mazmumah (keji) seperti menipu, menyeleweng dan sebagainya dalam pekerjaan.

Kelima : Hendaklah sentiasa mengamalkan sifat sabar dan bertawakal serta berdoa kepada Allah SWT dalam menghadapi ujian dan godaan dalam pekerjaan.

Marilah sama-sama kita merenung firman Allah SWT:

Mafhumnya : "Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) harta manusai dengan (berbuat dosa), padahal kamu mengetahui (salahnya).

(al-Baqarah: 188)

~ Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku. Aku tidak menghendaki rezeki sedikitpun dari mereka dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi-Ku makan. ~

Adz-Dzariyat: 51: 56-57